



يونيسزا سلطان زائين العابدين  
**UNISZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



# **GARIS PANDUAN ANUGERAH KONVOKESYEN**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UnisZA)**

**PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN & INOVASI AKADEMIK**



**GARIS PANDUAN  
ANUGERAH KONVOKESYEN  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

---

**KANDUNGAN**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Pendahuluan	1
2.	Syarat Am Pencalonan	2
3.	Kategori Anugerah	3
	3.1 Anugerah Pelajaran Diraja	3
	3.2 Anugerah Terbaik Fakulti	5
	3.3 Anugerah Khas	7
4.	Kriteria Pencalonan dan Kaedah Pemarkahan	10
5.	Proses Pencalonan dan Pemilihan	10
	<b>Lampiran 1</b> Deskripsi Pingat Bagi Anugerah Terbaik Fakulti	11
	<b>Lampiran 2</b> Ringkasan Syarat Am, Syarat Khas, Kriteria Pencalonan dan Wajaran Pemarkahan	22
	<b>Lampiran 3</b> Panduan Kaedah Pemarkahan	26
	<b>Lampiran 4</b> Kaedah Pelaksanaan	36
	<b>Lampiran 5</b> Proses Kerja Pencalonan dan Pemilihan Calon	38



**GARIS PANDUAN  
ANUGERAH KONVOKESYEN  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

**1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pemilihan penerima Anugerah sempena Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- 1.2 Ia merangkumi Syarat Pencalonan, Kategori Anugerah, Kriteria Pencalonan, Kaedah Pemarkahan dan Proses Pencalonan serta Pemilihan.
- 1.3 Anugerah Konvokesyen merupakan pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan/atau kokurikulum dan/atau sahsiah diri.

## 2.0 SYARAT AM PENCALONAN

2.1 Syarat Am Pencalonan adalah terpakai kepada semua Kategori Anugerah kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

2.2 Syarat Am Pencalonan ialah:

- 2.2.1. i. memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.50 ke atas atau memperoleh sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS); **atau**
- ii. memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75 ke atas atau sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi calon program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) (bagi Anugerah Khas Perdana Terengganu Inc. sahaja); **atau**
- iii. memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.33 ke atas atau memperoleh sekurang-kurangnya gred B dalam Peperiksaan Profesional II bagi program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) (bagi Anugerah Khas Kecemerlangan Alumni sahaja); **atau**
- iii. memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 ke atas atau memperoleh sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) (bagi Anugerah Khas Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sahaja).

2.2.1 Calon tidak pernah gagal atau mengulang kursus;

2.2.2 Calon menamatkan pengajian dalam tempoh minimum yang ditetapkan bagi program pengajiannya, melainkan calon diluluskan penangguhan pengajian oleh pihak Universiti;

2.2.3 Calon tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib sepanjang pengajian; dan

2.2.4 Calon bebas dari sebarang hutang dengan Universiti Sultan Zainal Abidin;

### 3.0 KATEGORI ANUGERAH

#### 3.1 Anugerah Pelajaran Diraja

3.1.1 Anugerah tahunan ini dikurniakan oleh Majlis Raja-Raja menerusi Pejabat Penyimpan Mohon Besar Raja-Raja kepada graduan di peringkat Sarjana Muda yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kepimpinan, kemasyarakatan, sukan dan kesenian.

3.1.2 Bentuk hadiah\*:

Calon akan dianugerahkan:

- i. Pingat Jaya Cemerlang bersadur emas yang bernilai RM1,000.00;
- ii. Wang tunai berjumlah RM7,500.00; **dan**
- iii. Sijil Penghargaan.

\*Tertakluk kepada Kuasa Lembaga Biasiswa Majlis Raja-Raja.

3.1.3 Syarat Khas Pencalonan:

Calon adalah:

- i. Graduan di peringkat Sarjana Muda;
- ii. Pelajar sepenuh masa; **dan**
- iii. Warganegara Malaysia.

#### 3.1.4 Bilangan penerima:

Anugerah diberikan kepada dua (2) penerima yang terdiri daripada:

- i. Seorang kategori Bumiputera; **dan**
- ii. Seorang kategori Bukan Bumiputera.

#### 3.1.5 Kriteria pemilihan:

- i. Penilaian dibuat berdasarkan pengiraan 60% komponen akademik dan 40% komponen kokurikulum, kepimpinan dan pengiktirafan;
- ii. Markah penilaian keseluruhan calon melebihi titik ambang iaitu 75%; dan
- iii. Calon memenuhi sekurang-kurangnya empat (4) daripada lima (5) komponen berikut:
  - a. Kepimpinan
  - b. Kokurikulum – Kategori Kemasyarakatan/Sukarelawan
  - c. Kokurikulum – Kategori Sukan
  - d. Kokurikulum – Kategori Seni
  - e. Pengiktirafan

## 3.2 Anugerah Terbaik Fakulti

- 3.2.1 Anugerah tahunan ini dikurniakan kepada graduan terbaik bagi setiap Fakulti yang cemerlang dalam bidang akademik, bukan akademik, kepimpinan, kemasyarakatan, sukan dan kesenian.
- 3.2.2 Nama pingat bagi setiap Fakulti adalah seperti di Jadual 1 dan deskripsi setiap pingat adalah seperti di **Lampiran 1**.

Jadual 1: Senarai nama pingat mengikut Fakulti

Bil.	Fakulti	Nama Pingat
1.	Fakulti Bahasa dan Komunikasi	Pingat Ibn Manzur جائزة ابن منظور
2.	Fakulti Perniagaan dan Pengurusan	Pingat Al-Khawarizmi جائزة الخوارزمي
3.	Fakulti Biosumber dan Industri Makanan	Pingat Ibn Al-Awwam جائزة ابن العوام
4.	Fakulti Sains Kesihatan	Pingat Ibn Rushd جائزة ابن رشد
5.	Fakulti Sains Sosial Gunaan	Pingat Ibn Khaldun جائزة ابن خلدون
6.	Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	Pingat Al-Imam Al-Shafi'i جائزة الإمام الشافعي
7.	Fakulti Reka Bentuk, Inovatif dan Teknologi	Pingat Al-Bairuni جائزة البيروني
8.	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	Pingat Al-Imam Al-Ghazali جائزة الإمام الغزالي
9.	Fakulti Informatik dan Komputeran	Pingat Ibn Sina جائزة ابن سينا



Bil.	Fakulti	Nama Pingat
10.	Fakulti Perubatan	Pingat Al-Razi جائزة الرازي
11.	Fakulti Farmasi	Pingat Ibn Al-Baytar جائزة ابن البيطار

### 3.2.3 Bentuk hadiah:

Calon akan dianugerahkan:

- i. Wang tunai berjumlah RM2,000.00; dan
- ii. Sijil Penghargaan.

### 3.2.4 Syarat Khas Pencalonan:

- i. Calon adalah graduan di peringkat Sarjana Muda;
- ii. Calon adalah pelajar sepenuh masa; **dan**
- iii. Calon adalah Warganegara Malaysia;

### 3.2.5 Bilangan penerima:

Anugerah diberikan kepada seorang (1) penerima sahaja daripada setiap Fakulti.

### 3.2.6 Kriteria pemilihan:

Penilaian dibuat berdasarkan pengiraan 60% komponen akademik dan 40% komponen kokurikulum, kepimpinan dan pengiktirafan.

### 3.3 Anugerah Khas

- 3.3.1 Anugerah Khas adalah anugerah yang dicadangkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk dikurniakan semasa Majlis Konvokesyen dan mendapat kelulusan Senat Universiti.
- 3.3.2 Anugerah Khas ini menggalakkan penglibatan industri dan pihak luar yang bertindak sebagai penaja Anugerah Khas tersebut untuk terlibat sama dalam hal berkaitan akademik dan kokurikulum di universiti.
- 3.3.3 Anugerah ini diberikan pada setiap tahun selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun. Sumbangan perlu dikreditkan ke akaun universiti secara sekali gus dalam masa sebulan selepas perjanjian dimeterai.
- 3.3.4 Kertas Cadangan Anugerah Khas perlu dibawa untuk kelulusan Senat Universiti dengan mengemukakan maklumat berikut:
- i. Nama Anugerah Khas;
  - ii. Nama dan Maklumat Penaja/Penyumbang;
  - iii. Bentuk Hadiah dan Nilai Sumbangan;
  - iv. Syarat Khas Pencalonan;
  - v. Bilangan Penerima; dan
  - vi. Kriteria Pemilihan.
- 3.3.5 Penamaan anugerah:
- i. Nama anugerah yang dicadangkan daripada PTj perlu ditulis sebagai Anugerah Khas agar berbeza dengan nama anugerah utama.

- ii. Penamaan Anugerah Khas adalah mengikut bidang PTj yang mencadangkan atau nama penaja/penyumbang tertakluk kepada persetujuan penaja/penyumbang anugerah.
- iii. Nama Anugerah Khas yang telah dipersetujui oleh penaja/penyumbang perlu mendapat kelulusan Senat Universiti.

#### 3.3.6 Bentuk hadiah:

- i. Wang tunai
  - a. Jumlah hadiah wang tunai tidak melebihi jumlah hadiah wang tunai bagi Anugerah Pelajaran Diraja iaitu sebanyak RM7,500.00 setahun.
  - b. Minimum jumlah hadiah wang tunai adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap anugerah.
- ii. PTj boleh mencadangkan hadiah yang bersesuaian bagi anugerah dan mendapat kelulusan Senat Universiti.

#### 3.3.7 Syarat Khas Pencalonan:

Syarat Khas bagi Anugerah Khas adalah tertakluk kepada cadangan PTj dan mendapat kelulusan Senat Universiti.

#### 3.3.8 Bilangan penerima:

Bilangan penerima bagi Anugerah Khas adalah tertakluk kepada cadangan PTj dan mendapat kelulusan Senat Universiti.

### 3.3.9 Kriteria pemilihan:

- i. Pemilihan perlu dilaksanakan di PTj masing-masing sebelum dibawa untuk pengesahan Mesyuarat Pengurusan Akademik (Prasiswazah) (MPA) atau Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) dan kelulusan Senat Universiti.
- ii. PTj dicadangkan untuk menubuhkan satu (1) Jawatankuasa Pemilih Anugerah Khas di peringkat PTj dengan melibatkan agensi luar/dalam yang menyumbang Anugerah Khas yang telah diterima tersebut.

#### **4.0 KRITERIA PENCALONAN DAN KAEDAH PEMARKAHAN**

- 4.1 Ringkasan syarat am, syarat khas, kriteria pencalonan dan wajaran pemarkahan adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 4.2 Kaedah pemarkahan bagi setiap Kriteria Pemilihan adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 4.3 Seorang calon layak menerima **MAKSIMUM DUA (2)** anugerah sahaja daripada mana-mana kategori Anugerah Konvokesyen UniSZA ;
- 4.4 Pemilihan calon yang layak menerima lebih daripada satu (1) anugerah adalah mengikut senarai keutamaan anugerah seperti di **Lampiran 4**.

#### **5.0 PROSES PENCALONAN DAN PEMILIHAN**

- 5.1 Proses kerja pencalonan dan pemilihan calon adalah sepertimana di **Lampiran 5**.
- 5.2 Senat Universiti berhak memilih mana-mana calon bagi penerima anugerah dan keputusan Senat Universiti adalah muktamad.

## LAMPIRAN 1

### DESKRIPSI PINGAT BAGI ANUGERAH TERBAIK FAKULTI

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
1.	Fakulti Bahasa dan Komunikasi	Pingat Ibn Manzur جائزة ابن منظور	<p><b>Ibn Manzur</b> atau <b>Muhammad bin Mukarram bin Ali bin Manzur Al-Ansari</b> (630H-711H) merupakan seorang tokoh yang disegani dalam bidang bahasa Arab. Selain itu, beliau juga memiliki pengetahuan yang luas dalam bidang sejarah. Menurut Imam As-Sayuti, beliau banyak meringkaskan buku- kesusasteraan Arab sehingga diriwayatkan bahawa beliau telah berjaya menghasilkan ringkasan buku lebih daripada lima ratus jilid kesusasteraan Arab. Bukan itu sahaja, beliau juga telah berjaya mengumpulkan perkataan- bahasa Arab yang begitu banyak dalam sebuah kamus yang lengkap dan masyhur iaitu Lisan Al-Arab. Bersesuaian dengan ketokohan Ibn Manzur dalam bidang bahasa, <b>Pingat Ibn Manzur</b> dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Bahasa dan Komunikasi</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
2.	Fakulti Perniagaan dan Pengurusan	Pingat Al-Khawarizmi جائزة الخوارزمي	<p><b>Al-Khawarizmi</b> atau 'Abd Allah Muhammad Ibn Musa Al-Khawarizmi ialah tokoh Islam yang berpengetahuan luas. Pengetahuan dan kemahiran beliau bukan sahaja meliputi bidang syariat tetapi juga bidang falsafah, logik, perubatan, aritmetik, geometik, muzik, kejuruteraan dan kimia. Karyanya yang terkenal Mafatih al-'ulum (Kunci Ilmu) membayangkan dengan jelas yang beliau adalah seorang pencinta ilmu dan mempunyai kemahiran dalam berbagai bidang. Sesuai dengan ketokohan Al-Khawarizmi dalam berbagai bidang ilmu, Pingat ini diberi nama <b>Pingat Al-Khawarizmi</b> dan dianugerahkan kepada Pelajar Terbaik <b>Fakulti Perniagaan dan Pengurusan</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
3.	Fakulti Biosumber dan Industri Makanan	Pingat Ibn Al-Awwam جائزة ابن العوام	<p><b>Ibn Al-Awwam</b> atau <b>Abu Zakaria Yahya ibn Muhammad ibn Ahmad ibn Al-Awwam</b> merupakan pakar pertanian yang terkenal di Seville, Sepanyol pada abad ke-12. Beliau telah menulis sebuah makalah mengenai pertanian dalam bahasa arab yang dikenali sebagai kitab <i>Al-Fallahah Book on Agriculture</i>. Karya beliau mengenai pertanian terbahagi kepada tiga puluh empat bab yang berkait dengan pertanian dan penternakan. Tiga puluh bab yang pertama dalam makalah tersebut menerangkan berkenaan dengan pertanian terutamanya tanah, pembajaan, pengairan dan perancangan taman pertanian. Manakala selebihnya berkaitan dengan penternakan. Sesuai dengan ketokohan Ibn Al-Awwam di dalam bidang pertanian, pingat ini diberi nama <b>Pingat Ibn Al-Awwam</b> dan dianugerahkan kepada Pelajar Terbaik <b>Fakulti Biosumber dan Industri Makanan</b>.</p>



Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
4.	Fakulti Sains Kesihatan	Pingat Ibn Rushd جائزة ابن رشد	<p><b>Ibn Rushd</b> atau nama lengkapnya <b>Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Rushd</b> dilahirkan di Cordova, ibu kota Andalusia, pada 526-595H. Ibn Rushd merupakan seorang ahli bidang falsafah, perubatan, matematik, teologi, astronomi, geografi dan sains. Ibn Rushd juga pernah bertugas sebagai doktor perubatan di istana. Antara karya terbesar yang pernah dihasilkan oleh Ibn Rushd adalah “<b>Kulliyah fit-Thibb</b>” yang mengandungi 16 jilid berkaitan perubatan secara umum. Kepakarannya dalam bidang perubatan dan sains kesihatan merangkumi ilmu fungsi organ di dalam tubuh manusia dan sistem penjagaan kesihatan. Bertepatan dengan ketokohan dan kehebatan Ibn Rushd di dalam bidang ini, <b>Pingat Ibn Rushd</b> dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Sains Kesihatan</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
5.	Fakulti Sains Sosial Gunaan	Pingat Ibn Khaldun جائزة ابن خلدون	<p><b>Ibn Khaldun</b> atau nama sebenarnya Abdul Rahman bin Muhammad <b>(1332 – 1406)</b> merupakan tokoh ilmuwan Islam yang banyak menyumbang di dalam bidang sosiologi. Antara bidang antropologi dan sosiologi yang pernah disentuh oleh Ibn Khaldun termasuklah, perbandingan antara masyarakat desa dengan masyarakat bandar, konsep solidariti sosial atau asabiyyah, teori edaran mengenai perubahan sosial dan tahap-tahap pensejarahan masyarakat, bidang sosiologi sejarah, bidang sosiologi politik dan bidang ekonomi. Dalam bukunya, Muqaddimah, Ibn Khaldun membahagikan ilmu pengetahuan kepada dua, iaitu ilmu aqliyyah (pengetahuan mengenai kehidupan di dunia) dan ilmu naqliyyah (pengetahuan mengenai kehidupan di akhirat). Bersesuaian dengan ketokohan Ibn Khaldun di dalam bidang antropologi dan sosiologi, <b>Pingat Ibn Khaldun</b> dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Sains Sosial Gunaan</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
6.	Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa	Pingat Al-Imam Al-Shafi'i جائزة الإمام الشافعي	<p><b>Al-Imam Al-Shafi'i</b> atau <b>Muhamad Ibn Idris Al-Syafii</b> ialah seorang tokoh Islam yang berpengetahuan luas. Pengetahuan dan kemahiran beliau bukan sahaja meliputi bidang perundangan Islam, tetapi juga bahasa dan ilmu hadith. Beliau telah mengintegrasikan fahaman ahli ijtihad yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah dan fahaman ahli hadith oleh beliau sendiri. Beliau merupakan orang pertama menyusun sumber perundangan Islam di dalam bukunya Al-Risalah. Karya terunggulnya Al-Umm membayangkan dengan jelas ketokohan beliau sebagai pencinta ilmu serta mempunyai kemahiran beberapa bidang lain. Sesuai dengan ketokohan <b>Al-Shafi'i</b> dalam pelbagai bidang ilmu, <b>Pingat Al-Imam Al-Shafi'i</b> dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
7.	Fakulti Reka Bentuk, Inovatif dan Teknologi	Pingat Al-Bairuni جائزة البيروني	<p><b>Al-Bairuni</b> atau <b>Abu Al-Raihan Muhammad Ibn Ahmad Al-Bairuni</b> (973-1048M) bolehlah dianggap sebagai ahli sains Islam yang teragung. Zaman beliau merupakan zaman keagungan sains Islam. Al-Bairuni juga merupakan seorang yang pintar dan mahir dalam bidang matematik, astronomi, fizik, perubatan serta beberapa bidang ilmu lain. Beliau telah menghasilkan karya saintifik di mana tiga karya beliau yang masyhur ialah Al-Athar Al-Baqiyah dan Al-Quran Al-Khaliyah, kitab Al-Hind dan Al-Qanun Al-Mas'udi. Al-Bairuni bukan sahaja seorang sarjana dogmatik, malah lebih daripada itu sebagai seorang pemerintah yang peka dan sentiasa bersedia untuk meluaskan ilmu pengetahuannya dan seorang pelajar pengajian perbandingan yang terbaik. Bertepatan dengan keagungan Al-Bairuni sebagai ahli sains, <b>Pingat Al-Bairuni</b> ini dianugerahkan kepada Pelajar Terbaik <b>Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
8.	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	Pingat Al-Imam Al-Ghazali جائزة الإمام الغزالي	<p><b>Al-Imam Al-Ghazali</b> atau <b>Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Tusi Al-Shafi'i</b> yang dikenali sebagai Ibn Al-Sam'ani adalah tokoh tasawuf, usuluddin dan perundangan islam yang ulung dan seorang guru yang agung. Al-Ghazali menggunakan pengalaman sufi untuk menghayati islam. Melalui karya agungnya Ihya "Ulumuddin, Al-Ghazali memimpin dan mengembalikan umat Islam kepada dasar awalnya dengan mencantumkan ilmu feqah, ilmu kalam dan ilmu tasawuf. Sesuai dengan keagungan Imam Al-Ghazali dengan ilmu agama, pingat ini diberi nama <b>Pingat Al-Imam Al-Ghazali</b> dan dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
9.	Fakulti Informatik dan Komputeran	Pingat Ibn Sina جائزة ابن سينا	<p><b>Ibn Sina</b> atau <b>Abu 'Ali Al-Husayn Ibn 'Abd Allah</b> atau merupakan tokoh ilmuan dan pemikir Islam dalam pelbagai disiplin ilmu. Pada usia begitu muda beliau telah menghafal Al-Quran dan mendalami ilmu falsafah Yunani dan sains, ilmu logik Aristotie dan geometri Euclid. Di dalam dua daripada antara kitab-kitab yang ditulis oleh Ibn Sina iaitu Al-Qanun Fi Al-Tibb dan Al-Shifa', beliau telah membuat huraian tentang ilmu perubatan, botani, fizik, kosmologi, metafizik, psikologi, falsafah dan logik. Kalangan masyarakat Barat bahkan telah meletakkan Ibn Sina atau Avicenna sebaris dengan Plato, Homer dan Aristotle. Apatah lagi, ilmu teknologi maklumat memerlukan pengembelian ilmu logik, penyelesaian masalah, fizik, pemikiran analitikal dan komputer. Oleh yang demikian adalah bertepatan pingat yang dianugerahkan kepada Pelajar Terbaik <b>Fakulti Informatik dan Komputeran</b> diberi nama <b>Pingat Ibn Sina</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
10.	Fakulti Perubatan	Pingat Al-Razi جائزة الرازي	<p><b>Al-Razi</b> atau nama sebenarnya <b>Abu Bakr Mohammed Ibn Zakaria Al-Razi</b> merupakan seorang pakar dalam bidang perubatan semasa era kegemilangan kerajaan Islam Abbasiyah. Selain perubatan, beliau juga menguasai pelbagai bidang kepakaran termasuk muzik, kimia dan falsafah. Di antara sumbangannya yang penting dalam bidang perubatan ialah beliau dapat membezakan di antara demam campak (measles) dan cacar (smallpox). Beliau juga terkenal sebagai bapa paediatrik dan berpengetahuan luas dalam membuat pemerhatian yang terperinci berkaitan dengan masalah otopedik dan pembedahan. Karya beliau yang terpenting ialah Kitab Al-Hawi yang mengandungi 22 jilid yang menyentuh pelbagai aspek perubatan dan digunakan di Eropah pada abad ke-9 dan ke-10. Bersesuaian dengan ketokohan dan jasa beliau di dalam bidang perubatan, maka wajarlah nama <b>Pingat Al-Razi</b> dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Perubatan</b>.</p>

Bil.	Fakulti	Nama Pingat	Deskripsi
11.	Fakulti Farmasi	Pingat Ibn Al-Baytar جائزة ابن البيطار	<p><b>Ibn Al-Baytar</b> atau <b>Diya' Al-Din Abu Muhammad 'Abd Allah Ibn Ahmad Al-Malaqi</b> merupakan salah seorang pakar sains Islam terulung yang hidup antara tahun 1197 hingga 1248. Beliau dilahirkan di kota Malaga, Andalusia, Sepanyol pada akhir abad ke -12 Masihi. Beliau adalah seorang ahli farmasi, botani, saintis serta perubatan yang terkenal zaman pertengahan. Karya utama Ibn Al-Baytar ialah <i>Kitab Al-Jami' li-Mufradat Al-Adwiya wa-l-Aghdhiya</i> iaitu sebuah kompilasi botani terhebat mengenai tumbuh-tumbuhan untuk perubatan (<i>pharmaceutical encyclopedia</i>) yang menyenaraikan 1400 jenis tumbuhan, makanan, serta ubat-ubatan dan kegunaannya. Bersesuaian dengan ketokohan Ibn Al-Baytar di dalam bidang farmasi, botani, saintis serta perubatan, <b>Pingat Ibn Al-Baytar</b> ini dianugerahkan kepada pelajar terbaik <b>Fakulti Farmasi</b>.</p>



LAMPIRAN 2

**RINGKASAN SYARAT AM, SYARAT KHAS, KRITERIA PENCALONAN DAN WAJARAN PEMARKAHAN ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA**

BIL	PERKARA	ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	<b>Penaja</b>	Majlis Raja-Raja Malaysia
2.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai RM7,500.00
		Pingat Jaya Cemerlang bersadur emas bernilai RM1,000.00
		Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT AM</b>	
1.	Memperolehi PNGK 3.50 ke atas atau sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi calon program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS).	
2.	Tidak pernah gagal atau mengulang kursus.	
3.	Menamatkan pengajian dalam tempoh minimum yang ditetapkan bagi program pengajiannya, melainkan calon diluluskan penanguhan pengajian oleh pihak Universiti.	
4.	Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib sepanjang pengajian.	
5.	Bebas dari sebarang hutang dengan Universiti Sultan Zainal Abidin.	
<b>C.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Graduan Sarjana Muda
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang secara keseluruhan: i. Akademik; ii. Kepimpinan; iii. Kokurikulum; dan iv. Kemasyarakatan
<b>D.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	<b>Akademik</b>	60%
2.	<b>Kepimpinan</b>	8%
3.	<b>Kokurikulum</b>	
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	8%
	• <b>Sukan</b>	8%
	• <b>Kesenian</b>	8%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	8%
<b>JUMLAH</b>		100%

**RINGKASAN SYARAT AM, SYARAT KHAS, KRITERIA PENCALONAN DAN  
WAJARAN PEMARKAHAN  
ANUGERAH TERBAIK FAKULTI**

BIL	PERKARA	ANUGERAH TERBAIK FAKULTI
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	<b>Penaja</b>	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
2.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai RM2,000.00
		Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT AM</b>	
1.	Memperolehi PNGK 3.50 ke atas atau sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi calon program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS).	
2.	Tidak pernah gagal atau mengulang kursus.	
3.	Menamatkan pengajian dalam tempoh minimum yang ditetapkan bagi program pengajiannya, melainkan calon diluluskan penangguhan pengajian oleh pihak Universiti.	
4.	Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib sepanjang pengajian.	
5.	Bebas dari sebarang hutang dengan Universiti Sultan Zainal Abidin.	
<b>C.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Graduan Sarjana Muda
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang secara keseluruhan: i. Akademik; ii. Kepimpinan; iii. Kokurikulum; dan iv. Kemasyarakatan
<b>D.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	<b>Akademik</b>	60%
2.	<b>Kepimpinan</b>	8%
3.	<b>Kokurikulum</b>	
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	8%
	• <b>Sukan</b>	8%
	• <b>Kesenian</b>	8%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	8%
	<b>JUMLAH</b>	100%

**RINGKASAN SYARAT AM, SYARAT KHAS, KRITERIA PENCALONAN  
DAN WAJARAN PEMARKAHAN  
ANUGERAH KHAS UNIVERSITI**

**Jadual 1/3**

BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS PERDANA TERENGGANU INC.
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i)
2.	<b>Penaja</b>	<i>Terengganu Incorporated Sdn Bhd.</i> (Terengganu Inc.)
3.	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Seorang penerima Bumiputera. Anak kelahiran Terengganu diutamakan.
4.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai RM2,000.00
		Pingat
		Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT AM</b>	
1.	Memperolehi PNGK 3.75 ke atas atau sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi calon program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS).	
<b>C.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Terbuka kepada graduan Sarjana Muda daripada semua fakulti
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang secara keseluruhan
<b>D.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	<b>Akademik</b>	70%
2.	<b>Kepimpinan</b>	7%
3.	<b>Kokurikulum</b>	
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	6%
	• <b>Sukan</b>	6%
	• <b>Kesenian</b>	6%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	5%
<b>JUMLAH</b>		100%
<b>Kelulusan Senat</b>		Mesyuarat Senat Bil. 8/2023
<b>Tempoh Anugerah</b>		5 tahun

BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS KECEMERLANGAN ALUMNI
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	Pusat Alumni
2.	<b>Penaja</b>	Tabung Amanah Alumni UniSZA
3.	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Seorang penerima
4.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai dalam bentuk akaun SSPN berjumlah RM1,000.00
		Pingat Emas atau seumpamanya dan kain selempang dengan nilai maksimum RM500.00
		Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT AM</b>	
1.	Memperolehi PNGK 3.33 ke atas atau sekurang-kurangnya gred B dalam Peperiksaan Profesional II bagi calon program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS).	
<b>C.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Terbuka kepada graduan Sarjana Muda daripada semua fakulti
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang secara keseluruhan
<b>D.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	<b>Akademik</b>	30%
2.	<b>Kepimpinan</b>	20%
3.	<b>Kokurikulum</b>	
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	30%
	• <b>Sukan</b>	5%
	• <b>Kesenian</b>	5%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	10%
<b>JUMLAH</b>		100%
<b>Kelulusan Senat</b>		Mesyuarat Senat Bil. 8/2024
<b>Tempoh Anugerah</b>		5 tahun

BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT)
2.	<b>Penaja</b>	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
3.	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Dua penerima Bumiputera. Pemilik akaun SSPN diutamakan.
4.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai dalam bentuk akaun SSPN berjumlah RM1,000.00 seorang Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT AM</b>	
1.	Memperolehi PNGK 3.00 ke atas atau sekurang-kurangnya gred B+ dalam Peperiksaan Profesional II bagi calon program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS).	
<b>C.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Terbuka kepada graduan Sarjana Muda daripada semua fakulti
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang secara keseluruhan
<b>D.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	<b>Akademik</b>	20%
2.	<b>Kepimpinan</b>	40%
3.	<b>Kokurikulum</b>	
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	10%
	• <b>Keusahawanan</b>	10%
	• <b>Kesenian</b>	10%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	10%
<b>JUMLAH</b>		100%
<b>Kelulusan Senat</b>		Mesyuarat Senat Bil. 11/2023
<b>Tempoh Anugerah</b>		5 tahun

**RINGKASAN SYARAT AM, SYARAT KHAS, KRITERIA PENCALONAN DAN  
WAJARAN PEMARKAHAN  
ANUGERAH KHAS FAKULTI**

**Jadual 1/4**

BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS PENGASAS BIOTEKNOLOGI PERTANIAN	ANUGERAH KHAS AGROBANK	ANUGERAH KHAS MALAYSIA INSTITUTE OF FOOD TECHNOLOGY (MIFT)	ANUGERAH KHAS ALUMNI TEKNOLOGI MAKANAN
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>				
1.	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM)			
2.	<b>Penaja</b>	Dr. Abdul Manaf bin Ali (mantan pengasas Fakulti Pertanian dan Bioteknologi)	Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)	<i>Malaysia Institute of Food Technology (MIFT)</i>	Alumni Sarjana Muda Teknologi Makanan
3.	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Seorang penerima	Seorang penerima	Seorang penerima	Seorang penerima
4.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai RM1,000.00	Wang tunai RM600.00	Wang tunai RM500.00	Wang tunai RM500.00
		Sijil Penghargaan	Sijil Penghargaan	Sijil Penghargaan	Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>				
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Graduan Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian	Graduan Sarjana Muda FBIM	Graduan Sarjana Muda Teknologi Makanan	Graduan Sarjana Muda Teknologi Makanan
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang dalam akademik	Cemerlang secara keseluruhan	Cemerlang dalam akademik	Cemerlang secara keseluruhan

<b>C. KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>					
1.	<b>Akademik</b>	100%	60%	100%	60%
2.	<b>Kepimpinan</b>	-	8%	-	8%
3.	<b>Kokurikulum</b>				
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	-	8%	-	8%
	• <b>Sukan</b>	-	8%	-	8%
	• <b>Kesenian</b>	-	8%	-	8%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	-	8%	-	8%
<b>JUMLAH</b>		100%	100%	100%	100%
<b>Kelulusan Senat</b>		Mesyuarat Senat Bil. 4/2019	Mesyuarat Senat Bil. 13/2023	Mesyuarat Senat Bil. 6/2013	Mesyuarat Senat Bil. 7/2015
<b>Tempoh</b>		5 tahun	5 tahun	5 tahun	5 tahun

BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS BUKU FARMASI-PHARMANIAGA	ANUGERAH KHAS INDUSTRI FARMASI-PHARMANIAGA
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>		
1.	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	Fakulti Farmasi (FF)	
2.	<b>Penaja</b>	Pharmaniaga Sdn. Bhd.	
3.	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Seorang penerima	Seorang penerima
4.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai RM500.00	Wang tunai RM500.00
		Sijil Penghargaan	Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>		
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Graduan Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)	Graduan Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang dalam akademik	Cemerlang secara keseluruhan
<b>C.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>		
1.	<b>Akademik</b>	100%	60%
2.	<b>Kepimpinan</b>	-	8%
3.	<b>Kokurikulum</b>		
	• <b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	-	8%
	• <b>Sukan</b>	-	8%
	• <b>Kesenian</b>	-	-
	• <b>Keperibadian</b>	-	8%
4.	<b>Pengiktirafan</b>	-	8%
<b>JUMLAH</b>		100%	100%
<b>Kelulusan Senat</b>		Mesyuarat Senat Bil. 3/2023	Mesyuarat Senat Bil. 3/2023
<b>Tempoh</b>		5 tahun	5 tahun



BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS INDUSTRI CASA ARMADA
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT)
2.	<b>Penaja</b>	Casa Armada Sdn. Bhd.
3.	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Seorang penerima
4.	<b>Bentuk Hadiah</b>	Wang tunai RM1,000.00
		Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	<b>Peringkat Pengajian/ Program</b>	Graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian
2.	<b>Peringkat Kecemerlangan</b>	Cemerlang secara keseluruhan terutamanya akademik
<b>C.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	<b>Akademik</b>	70%
2.	<b>Kepimpinan</b>	10%
3.	<b>Kokurikulum</b>	
	<b>Kemasyarakatan/ Sukarelawan</b>	10%
	<b>Sukan</b>	10%
	<b>Kesenian</b>	-
4.	<b>Pengiktirafan</b>	-
<b>JUMLAH</b>		100%
<b>Kelulusan Senat</b>		Mesyuarat Senat Bil. 8/2023
<b>Tempoh</b>		5 tahun

Jadual 4/4

BIL	PERKARA	ANUGERAH KHAS PELAJAR SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG TERBAIK YAYASAN TUN ABDUL HAMID
<b>A.</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>	
1.	Pusat Tanggungjawab	Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA)
2.	Penaja	Yayasan Tun Abdul Hamid
3.	Bilangan Penerima Anugerah	Seorang penerima
4.	Bentuk Hadiah	Wang tunai RM1,000.00
		Sijil Penghargaan
<b>B.</b>	<b>SYARAT KHUSUS</b>	
1.	Peringkat Pengajian/ Program	Graduan Sarjana Muda Undang-Undang
2.	Peringkat Kecemerlangan	Cemerlang dalam akademik
<b>C.</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN &amp; WAJARAN PEMARKAHAN</b>	
1.	Akademik	100%
2.	Kepimpinan	-
3.	Kokurikulum	
	Kemasyarakatan/ Sukarelawan	-
	Sukan	-
	Kesenian	-
4.	Pengiktirafan	-
<b>JUMLAH</b>		100%
Kelulusan Senat		Mesyuarat Senat Bil. 11/2023
Tempoh		5 tahun

## PANDUAN KAEDAH PEMARKAHAN

Kaedah pemarkahan yang dinyatakan di bahagian ini adalah pemarkahan bagi Anugerah DiRaja dan Anugerah Terbaik Fakulti. Manakala kaedah pemarkahan bagi Anugerah Khas, PTj perlulah mencadangkan kaedah pemarkahan yang ingin digunapakai dan mendapatkan kelulusan Senat Universiti.

### A. AKADEMIK

1. Pengiraan markah bagi komponen akademik adalah berdasarkan formula:

$$\text{Markah komponen akademik} = \frac{\text{PNGK diperolehi}}{\text{PNGK penuh}} \times \text{Peratus Pemberat (mengikut kategori anugerah)}$$

2. Pengiraan markah bagi komponen akademik calon Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) adalah berdasarkan gred yang diperolehi dalam Peperiksaan Profesional II. Peratusan markah berdasarkan gred adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Peratusan markah komponen akademik bagi calon MBBS

Gred diperolehi dalam Peperiksaan Profesional II	Markah* (%)
A+ (Lulus Cemerlang)	60.00
A (Lulus Kepujian)	55.00
B+ (Lulus Baik)	50.00

\* Markah adalah bagi wajaran 60% komponen akademik

## B. KEPIMPINAN

1. Pemberian markah bagi komponen kepimpinan adalah berdasarkan peringkat berikut:

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Persatuan/Kelab/NGO	Markah
Presiden	-	4
Timbalan Presiden/ Setiausaha/Bendahari	Pengarah/YDP	3
Exco/AJK	Timbalan/Setiausaha/ Bendahari	2
-	Exco / AJK	1

2. Pengiraan markah terhad kepada dua (2) jawatan terbaik.
3. Pengiraan markah bagi komponen kepimpinan berdasarkan formula berikut:

Markah komponen kepimpinan =

$$\frac{\text{Markah diperolehi (terhad 2 jawatan tertinggi)}}{8} \times \text{Peratus Pemberat (mengikut kategori hadiah)}$$

### C. KO-KURIKULUM

1. Pemberian markah bagi komponen ko-kurikulum adalah berdasarkan penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum.
2. Pemberian markah bagi aktiviti ko-kurikulum adalah berdasarkan peringkat berikut:

Kategori	Markah			
	Antara-bangsa	Kebangsaan	Universiti	Fakulti
Kemasyarakatan/Sukarelawan	4	3	2	1
Sukan	4	3	2	1
Kesenian	4	3	2	1

3. Pengiraan markah terhad kepada dua (2) aktiviti kokurikulum terbaik bagi setiap kategori.
4. Pengiraan markah bagi komponen kokurikulum bagi **setiap kategori** berdasarkan formula berikut:

Markah setiap kategori kokurikulum =

$$\frac{\text{Markah diperolehi (terhad 2 aktiviti terbaik)}}{8} \times \text{Peratus Pemberat (mengikut kategori anugerah)}$$

5. Jumlah markah bagi komponen kokurikulum berdasarkan formula berikut:

$$\text{Markah komponen kokurikulum} = \frac{\text{Markah Kategori Kemasyarakatan/Sukarelawan} + \text{Markah Kategori Sukan} + \text{Markah Kategori Kesenian}}{3}$$

#### D. PENGIKTIRAFAN

- Pemberian markah bagi komponen pengiktirafan adalah berdasarkan anugerah/hadiah/pingat yang diterima sama ada di dalam bidang akademik atau kokurikulum.
- Pemberian markah bagi pengiktirafan yang diterima adalah berdasarkan peringkat berikut:

Pengiktirafan	Markah			
	Antarabangsa	Kebangsaan	Universiti	Fakulti
Anugerah/Hadiah/Pingat	4	3	2	1

- Pengiraan markah bagi komponen pengiktirafan berdasarkan formula berikut:

$$\text{Markah setiap kategori pengiktirafan} = \frac{\text{Markah diperolehi (terhad 2 pengiktirafan tertinggi)}}{8} \times \text{Peratus Pemberat (mengikut kategori hadiah)}$$


## KAEDAH PELAKSANAAN

1. Pelajar yang memenuhi syarat dan kriteria bagi mana-mana kategori anugerah konvokesyen adalah layak memohon lebih daripada satu permohonan.
2. Contohnya, jika pelajar memenuhi syarat dan kriteria bagi Anugerah Pelajaran Diraja dan Anugerah Terbaik Fakulti, beliau layak untuk memohon kedua-dua kategori anugerah tersebut.
3. Calon akan dinilai oleh Jawatankuasa Panel Pemilih Anugerah peringkat fakulti mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
4. Calon yang memenuhi syarat dan kriteria serta memperolehi markah yang paling tinggi layak dipilih sebagai penerima anugerah.
5. Sekiranya calon penerima anugerah yang sama layak menerima lebih daripada satu (1) anugerah, calon akan dipilih mengikut senarai keutamaan anugerah seperti di **Jadual 1**.
6. Seorang calon layak menerima **maksimum dua (2) anugerah sahaja** daripada mana-mana kategori Anugerah Konvokesyen UniSZA.
7. **Simulasi:**
  - 7.1 **Simulasi 1:** Ahmad telah dipilih oleh Jawatankuasa Panel Pemilih Anugerah peringkat fakulti sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja. Dalam masa yang sama, beliau juga memenuhi syarat dan kriteria Anugerah Terbaik Fakulti maka Ahmad layak dipilih sebagai penerima Anugerah Terbaik Fakulti sekiranya tiada calon lain yang layak.

7.2 **Simulasi 2:** Aisyah telah layak dipilih sebagai penerima Anugerah Terbaik Fakulti. Sekiranya beliau juga memenuhi syarat dan kriteria bagi Anugerah Khas Universiti dan Anugerah Khas Fakulti, Aisyah hanya boleh dipilih sebagai penerima anugerah Khas Universiti iaitu mengikut senarai keutamaan anugerah.



**JADUAL 1: SENARAI KEUTAMAAN ANUGERAH**



## PROSES KERJA PENCALONAN DAN PEMILIHAN CALON

## A) Anugerah Pelajaran Diraja, Anugerah Terbaik Fakulti dan Anugerah Khas Universiti


Bil	Arahan Kerja	Tanggungjawab
1.	Maklum pengisian borang pencalonan kepada fakulti	CoMAE-i/ PTj
2.	Hebah pengisian lengkap borang pencalonan kepada pelajar	Fakulti
3.	Isi borang pencalonan	Pelajar
4.	Terima borang pencalonan yang telah lengkap beserta dokumen sokongan	Fakulti
5.	Semak dan sahkan markah penilaian	Fakulti
6.	Terima borang pencalonan beserta dokumen sokongan	CoMAE-i/ PTj
7.	Semak kali kedua markah calon beserta bukti	CoMAE-i/ PTj
8.	Peraku senarai pendek calon	
	i. Anugerah Pelajaran Diraja	Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pemilih Anugerah Pelajaran Diraja
	ii. Anugerah Terbaik Fakulti iii. Anugerah Khas Perdana Terengganu Inc. iv. Anugerah Khas Kecemerlangan Alumni	Mesyuarat Pengurusan Akademik

	v. Anugerah Khas Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	(Prasiswazah) (MPA)
9.	Bentang senarai calon di Mesyuarat Senat untuk pengesahan	TNC (A&A)/ CoMAE-i/ Fakulti
10.	Maklumkan kepada pelajar yang berjaya	CoMAE-i/ PTj
11.	Sedia pingat, sijil dan/atau hadiah yang berkaitan	CoMAE-i/ PTj
12.	Edar pingat, sijil dan/atau hadiah yang berkaitan kepada pelajar	CoMAE-i/ PTj
13.	Hantar surat arahan pembayaran hadiah wang tunai kepada Pejabat Bendahari	CoMAE-i/ PTj

**B) Anugerah Khas Fakulti**

<b>Bil</b>	<b>Arahan Kerja</b>	<b>Tanggungjawab</b>
1.	Hebah pengisian lengkap borang pencalonan kepada pelajar	Fakulti
2.	Isi borang pencalonan	Pelajar
3.	Terima borang pencalonan yang telah lengkap beserta dokumen sokongan	Fakulti
4.	Semak dan sahkan markah penilaian	Fakulti
5.	Bentang senarai calon di Mesyuarat Pengurusan Akademik (Prasiswazah) (MPA) atau Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) untuk perakuan	Fakulti
6.	Bentang senarai calon di Mesyuarat Senat untuk pengesahan	Fakulti
7.	Maklumkan kepada pelajar yang berjaya	Fakulti
8.	Sedia pingat, sijil dan/atau hadiah yang berkaitan	Fakulti
9.	Edar pingat, sijil dan/atau hadiah yang berkaitan kepada pelajar	Fakulti
10.	Hantar surat arahan pembayaran hadiah wang tunai kepada Pejabat Bendahari	Fakulti

# CARTA ALIR PENCALONAN DAN PEMILIHAN CALON ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA, ANUGERAH TERBAIK FAKULTI DAN ANUGERAH KHAS UNIVERSITI



## CARTA ALIR PENCALONAN DAN PEMILIHAN CALON ANUGERAH KHAS FAKULTI

